



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Director General of Education Malaysia  
**ARAS 8, BLOK E8**  
Level 8, Block E8  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
Government Complex Parcel E  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
Federal Government Administrative Centre  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 9 (20 )  
Tarikh : 02 Julai 2024

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 7  
TAHUN 2024**

**PENGGUNAAN GELARAN KOLEJ TINGKATAN ENAM (PRAUNIVERSITI),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Penggunaan Gelaran Kolej Tingkatan Enam (Prauniversiti), Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan imej pendidikan tingkatan enam. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 13 Mei 2024 telah meluluskan Pelan Hala Tuju Pendidikan Tingkatan Enam (PPTE) 2024-2030.
3. Selaras dengan kelulusan tersebut, gelaran kolej tingkatan enam (prauniversiti) akan digunakan di semua kolej tingkatan enam (mod 1) di seluruh negara. Penggunaan gelaran ini adalah seiring dengan strategi pengukuhan jenama dan reputasi yang digariskan dalam PPTE 2024-2030 ke arah meningkatkan imej serta memperkasakan pendidikan tingkatan enam.
4. Sehubungan dengan itu, surat siaran ini disediakan sebagai makluman dan rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM.


5. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD dan kolej tingkatan enam bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia